

Kesumba diharap teruskan pelbagai aktiviti bermanfaat

06 28.6.2019 B3

KOTA KINABALU: Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita Universiti Malaysia Sabah (Kesumba) diharap agar terus mengorak langkah melaksanakan pelbagai aktiviti yang memberi manfaat bukan sahaja kepada ahli malah kepada masyarakat setempat.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata, sebagai sebuah kelab yang dipelopori oleh wanita, beliau amat



BERGAMBAR bersama sijil penghargaan yang disampaikan oleh Roha (tujuh dari kiri).



ROHA mengambil gambar kenangan bersama barisan ahli jawatankuasa kepimpinan Kesumba yang baharu.

kagum dengan perkembangan kelab itu yang banyak membuat perubahan sejajar dengan perubahan yang dibawa oleh universiti.

"Saya yakin melalui barisan kepimpinan Kesumba serta ahli jawatankuasa, maka kelab ini akan terus maju dan dapat merealisasikan matlamat kelab yang antara lain berusaha meningkatkan imej serta nama baik universiti melalui hubungan kerjasama dan penganjuran aktiviti yang memberi manfaat kepada ahli.

"Sehubungan itu, bersempena mesyuarat agung ini, saya berharap semua ahli Kesumba dapat mencapai kata sepakat dan objektif

yang ingin dicapai.

"Gunakan peluang dar ruang ini sebaiknya bag memperkukuh pencapaian dan hala tuju Kesumba d masa akan datang," katanya ketika berucap merasmikar Mesyuarat Agung Tahunar Kesumba kali ke-22, di sin pada Rabu.

D Kamarudin turut mengucapkan Selamat Har Raya Aidilfitri kepada warg Kesumba dan memohon ke maafan sekiranya terkasa bahasa atau terdapat sebarang perbuatan menyeng gung perasaan sepanjang memegang jawatan Nail Canselor.

"Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua ataskerjasama dan sokongan diberikan selama ini, hanya Allah SWT dapat membalasnya, uajarnya.

Mesyuarat Agung Tahunar Kesumba pada kal ini turut menyaksikan pemilihan Ahli Jawatankuas Tertinggi yang baharu.

Hadir sama, Yang Dipertua Kesumba Datin Roh Asmara, Pendaftar UM Vina Zahriani Yusof dan Bendahari UMS Zallifah Shadan.



KAMARUDIN (duduk, tiga dari kiri) mengambil gambar kenangan bersama ahli Kesumba. Turut kelihatan Roha (duduk, tiga kanan), Vina (duduk dua kiri) dan Zallifah (duduk, dua kanan).